



## Dr Mohd Zahari ganti Zainab

Oleh [Fadhilah Mazlan](#) - November 17, 2022 @ 12:22pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Dr Mohd Zahari Ismail dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti berkuat kuasa semalam.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkata, Mohd Zahari menggantikan Zainab Ahmad yang bersara pada Oktober lalu.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, KPT percaya pengalaman dan kepakaran Zahari mampu memacu jabatan itu sebagai peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang unggul.

Mohd Zahari ialah lulusan Sijil Pendidikan Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru dan Sarjana Muda Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau menyambung pengajian ke Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang Sarjana Sains Pentadbiran Perniagaan, sebelum melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang pengurusan (PhD) di University of Hull, United Kingdom.

"Mohd Zahari berkhidmat sebagai Pengarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 2018 dan Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin pada 2016," katanya.